

**PENGURUSAN INSURANS DALAM  
INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA**

**FADZIDA BINTI ISMAIL**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pembinaan)**

**Fakulti Kejuruteraan Awam  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MAC 2005**

## **PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan Pembinaan) dari Universiti Teknologi Malaysia”

.....  
**DR. ARHAM ABDULLAH**

Penyelia Projek Sarjana

Tarikh: 18 MAC 2005

***Buat ayahanda dan bunda serta keluarga tersayang.***

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya ingin melahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya serta rahmat-Nya maka dapat saya menyiapkan projek sarjana ini dengan sempurna.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, Dr. Arham Abdullah atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang proses untuk menghasilkan tesis ini. Beliau telah banyak meluangkan masa dan tenaga dalam memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai penulisan yang saya hasilkan ini. Segala ilmu yang diberikan amat berharga buat saya untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Penghargaan juga ditujukan kepada orang perseorangan yang banyak membantu iaitu Puan Lee Mee Lin, Cik Noor Azeela Junaidi, Encik Hamzah Alias dan Cik Loke Poh Choo, pihak kontraktor dan pihak insurans yang sudi memberi maklum balas dalam membantu menjayakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini bermatlamat untuk mendapatkan kefahaman tentang penggunaan insurans dalam industri pembinaan di Malaysia. Liputan insurans yang mencukupi adalah penting untuk melindungi kewangan dan sumber bagi sesebuah organisasi. Syarikat-syarikat insurans membangunkan sumbernya melalui premium insurans. Kepentingan pengurusan insurans dalam industri pembinaan adalah sebagai langkah keselamatan dan supaya dapat meningkatkan kemungkinan bagi menebus kerugian yang dialami melalui insiden yang dipersetujui di dalam polisi insurans. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi harga premium, mengkaji jenis-jenis tuntutan yang timbul daripada aktiviti pembinaan dan menyelidik prosedur membuat tuntutan insurans. Bagi menjawab objektif-objektif tersebut, borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak kontraktor dan syarikat insurans, dan temu ramah semi berstruktur telah diadakan dengan pakar dan wakil daripada syarikat insurans. Kemuncaknya, penyelidikan ini mencadangkan beberapa tindakan yang boleh diaplikasikan oleh pihak kontraktor untuk mengurangkan insiden di tapak bina.

## **ABSTRACT**

This study aims to get the insight into the insurance application in the Malaysian construction industry. Sufficient insurance coverage is important to protect an organisation's resources and finance. Insurance companies develop their resources through the insurance premium. The significance of insurance management in the construction industry is to provide security and to increase the chances of gaining back the losses occurred in any contracted incidents. The objectives of the research are to identify the factors that affect the premium price, to study the types of claims arise from construction activities and to identify the claim procedure. To find all the answers to the above objectives, questionnaire surveys have been distributed to contractors and insurance companies, and semi-structured interviews were also performed with experts and insurance companies' representatives. Finally, this research gives suggestion on the action that can be implied by the contractors in order to minimise the incidents at site.

## SENARAI KANDUNGAN

### PENGURUSAN INSURANS DALAM INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
<b>Penghargaan</b>	<b>v</b>
<b>Abstrak</b>	<b>vi</b>
<b>Abstract</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Kandungan</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>xiv</b>
<b>Senarai Rajah</b>	<b>xv</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>xvi</b>

#### **BAB 1: PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.2	Matlamat Dan Objektif	3
1.3	Skop Penyelidikan	3
1.4	Metodologi Penyelidikan	4
	1.4.1 Kajian Literatur	4
	1.4.2 Temu Ramah	6
	1.4.3 Soal Selidik	6
	1.4.4 Analisis Data	6
	1.4.5 Rumusan Dan Cadangan	7
1.5	Kesimpulan	7

## **BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pendahuluan	9
2.1	Akta-Akta Yang Terpakai Bagi Kontrak Insurans	11
2.1.1	Akta Insurans 1963	11
2.1.2	Akta Syarikat 1965	17
2.1.3	Akta Takaful 1984	17
2.2	Elemen Asas Pembentukan Kontrak Insurans Dari Segi Perundangan	18
2.3	Komponen-Komponen Asas Insurans	19
2.3.1	Bahagian Tajuk	20
2.3.2	Bahagian Pengisytiharan	20
2.3.3	Bahagian Pendahuluan	21
2.3.4	Bahagian Definisi	22
2.3.5	Bahagian Fasal Menginsurans	22
2.3.6	Bahagian Pengecualian	23
2.3.7	Bahagian Syarat	27
2.3.7.1	Syarat Tersirat	27
2.3.7.2	Syarat Tersurat	28
2.3.8	Bahagian Pelbagai Peruntukan	30
2.3.9	Bahagian Fasal Pengakusaksian	31
2.4	Peruntukan Insurans Di Dalam Kontrak Pembinaan	31
2.4.1	Borang Kontrak Piawai JKR 203/203A	31
2.4.2	Borang Kontrak Piawai PAM 1998	33
2.5	Polisi Insurans Dalam Pembinaan	34
2.5.1	Insurans Kerja ( <i>Insurance of Works</i> )	34
2.5.2	Insurans Liabiliti Awam ( <i>Public Liability Insurance</i> )	35
2.5.3	Insurans Indemniti Profesional ( <i>Professional Indemnity Insurance</i> )	36
2.5.4	Insurans Pampasan Pekerja ( <i>Workmen's Compensation Insurance</i> )	36
2.5.5	Polisi Semua Risiko Kontraktor ( <i>Contractor's All Risk Policy</i> )	38



2.5.6	Polisi Insurans Kebakaran ( <i>Fire Insurance Policy</i> )	39
2.5.7	Bon Pelaksanaan ( <i>Performance Bond</i> )	40
2.5.8	Jaminan Reka Bentuk ( <i>Design Warranty</i> )	41
2.6	Kesimpulan	41

### **BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.0	Pendahuluan	43
3.1	Kajian Awalan	44
3.2	Kaedah Penyelidikan	44
3.2.1	Kajian Literatur	45
3.2.2	Borang Soal Selidik	46
3.2.3	Temu Ramah	49
3.3	Penyusunan Dan Pemindahan Data	50
3.4	Analisis Data	51
3.5	Kesimpulan	52

### **BAB 4: ANALISIS PENYELIDIKAN**

4.0	Pendahuluan	53
4.1	Agihan Maklum Balas Dari Soal Selidik	53
4.2	Reka Bentuk Borang Soal Selidik	55
4.2.1	Borang Soal Selidik Kontraktor	56
4.2.2	Borang Soal Selidik Syarikat Insurans	57
4.3	Analisis Awalan	58
4.3.1	Profil Responden Yang Mewakili Kontraktor	59
4.3.2	Profil Responden Yang Mewakili Syarikat Insurans	64
4.4	Analisis Terperinci	65
4.4.1	Analisis Terperinci Melalui Soal Selidik	65
4.4.1.1	Kontraktor Sebagai Responden	66
4.4.1.1.1	Bahagian A: Polisi Insurans Yang Terlibat Dalam Pembinaan	66

4.4.1.1.2	Bahagian B: Jenis-Jenis Tuntutan Yang Timbul Daripada Aktiviti Pembinaan	72
4.4.1.1.3	Bahagian C: Tahap Kepuasan Kontraktor Terhadap Prosedur Tuntutan Insurans	74
4.4.1.2	Syarikat Insurans Sebagai Responden	76
4.4.1.2.1	Bahagian A: Premium Insurans	76
4.4.1.2.2	Bahagian B: Jenis-Jenis Tuntutan Yang Timbul Daripada Aktiviti Pembinaan	77
4.4.2	Analisis Terperinci Melalui Temu Ramah	79
4.4.2.1	Prosedur Tuntutan Insurans	79
4.4.2.1.1	Pemberitahuan Kerugian	80
4.4.2.1.2	Penyemakan Liputan	81
4.4.2.1.3	Penyiasatan Terhadap Tuntutan	81
4.4.2.1.4	Menetapkan Jumlah Kerugian	83
4.4.2.1.5	Penentuan Hak Subrogasi Dan Tanggungjawab Bersama	83
4.4.2.2	Dokumen-Dokumen Tuntutan	84
4.4.2.2.1	Kerugian Akibat Kebakaran Dan Petir	84
4.4.2.2.2	Kerugian Akibat Kecurian Atau Rompakan	85
4.4.2.2.3	Kerugian Akibat Kemalangan	85
4.4.2.2.4	Kerugian Melibatkan Liabiliti Awam	86
4.4.2.2.5	Kerugian Melibatkan Pampasan Pekerja	86
4.4.2.3	Penyelesaian Tuntutan	87
4.4.2.4	Prinsip Purata	88
4.4.2.5	Perselisihan Atau Pertelingkahan	89
4.4.2.5.1	Perundingan	89
4.4.2.5.2	Litigasi	90

4.4.2.5.3 Arbitrasi	90
4.4.2.5.4 Mediasi	90
4.4.2.6 Tindakan Pasca-Penyelesaian	91
4.4.2.6.1 Menamatkan Polisi	91
4.4.2.6.2 Mengurangkan Jumlah Yang Diinsuranskan	92
4.4.2.6.3 Menggantikan Nilai Diinsuranskan	92
4.4.2.6.4 Mengenakan Terma Dan Syarat Baru	92
4.5 Kesimpulan	93

## **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.0 Pendahuluan	95
5.1 Rumusan Dan Penilaian Penyelidikan	95
5.2 Pencapaian Dan Sumbangan	97
5.2.1 Pencapaian Dan Sumbangan Objektif 1 (Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Harga Premium)	98
5.2.2 Pencapaian Dan Sumbangan Objektif 2 (Mengkaji Jenis-Jenis Tuntutan Yang Timbul Daripada Aktiviti Pembinaan)	98
5.2.3 Pencapaian Dan Sumbangan Objektif 3 (Mengenal Pasti Prosedur Menuntut Bayaran Pampasan)	99
5.3 Kesimpulan	99
5.4 Limitasi Penyelidikan	100
5.5 Cadangan Penyelidikan Akan Datang	101

<b>RUJUKAN</b>	102
----------------	-----

## ***LAMPIRAN***

## **SENARAI JADUAL**

	<b><u>TAJUK</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
Jadual 2.1	Had Liabiliti Insurans Berdasarkan Nilai Kontrak	35
Jadual 4.1	Agihan Maklum Balas Mengikut Kategori Responden	55
Jadual 4.2	Jawatan Responden Bagi Kategori Kontraktor	59
Jadual 4.3	Pecahan Responden Mengikut Gred Pendaftaran CIDB	60
Jadual 4.4	Pecahan Responden Mengikut Gred Pendaftaran PKK	61
Jadual 4.5	Status Projek Yang Dikendalikan	62
Jadual 4.6	Bidang Kerja	63
Jadual 4.7	Jawatan Responden Daripada Kategori Syarikat Insurans	64
Jadual 4.8	Insurans Kerja	66
Jadual 4.9	Insurans Liabiliti Awam	67
Jadual 4.10	Insurans Indemniti Profesional	67
Jadual 4.11	Insurans Pampasan Pekerja	68
Jadual 4.12	Polisi Semua Risiko Kontraktor	69
Jadual 4.13	Insurans Kebakaran	70
Jadual 4.14	Bon Pelaksanaan	70
Jadual 4.15	Jaminan Reka Bentuk	71
Jadual 4.16	Jenis-Jenis Tuntutan Yang Dikemukakan	72
Jadual 4.17	Tahap Kepuasan Kontraktor Terhadap Proses Tuntutan	75
Jadual 4.18	Faktor Yang Mempengaruhi Harga Premium	77
Jadual 4.19	Jenis-Jenis Tuntutan Yang Diuruskan	77

## SENARAI RAJAH

	<b><u>TAJUK</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
Rajah 1.1	Carta Alir Metodologi Penyelidikan	5
Rajah 4.1	Pecahan Jawatan Responden Bagi Kategori Kontraktor	60
Rajah 4.2	Pendaftaran Responden Dengan CIDB	61
Rajah 4.3	Pendaftaran Responden Dengan PKK	62
Rajah 4.4	Status Projek Yang Dikendalikan	63
Rajah 4.5	Bidang Kerja	64
Rajah 4.6	Jawatan Responden Dari Kategori Syarikat Insurans	65
Rajah 4.7	Insurans Kerja	66
Rajah 4.8	Insurans Liabiliti Awam	67
Rajah 4.9	Insurans Indemniti Profesional	68
Rajah 4.10	Insurans Pampasan Pekerja	69
Rajah 4.11	Polisi Semua Risiko Kontraktor	69
Rajah 4.12	Insurans Kebakaran	70
Rajah 4.13	Bon Pelaksanaan	71
Rajah 4.14	Jaminan Reka Bentuk	72
Rajah 4.15	Carta Alir Prosedur Tuntutan Pampasan Insurans	93

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### MUKA SURAT

Surat Kajian	106
Borang Soal Selidik Kontraktor	107
Borang Soal Selidik Syarikat Insurans	111
Contoh Borang Tuntutan Insurans (AMI Insurans Berhad)	115
Contoh Borang Tuntutan Insurans (AmAssurance)	118
Contoh Borang Tuntutan Kemalangan (AIA Assurance)	120
Contoh Borang Tuntutan Rawatan (AIA Assurance)	124
Contoh Borang Tuntutan Kemalangan Yang Menyebabkan Kematian (Great Eastern)	126

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Industri pembinaan hari ini terdedah kepada cabaran dari dalam dan luar industri yang membawa kepada keperluan pengurusan dan pengawalan risiko pembinaan. Salah satu kaedah yang telah ditetapkan di dalam borang kontrak piawai ialah pengambilan polisi insurans sebelum setiap kerja dilaksanakan. Fasal 33 Borang Kontrak Piawai JKR 203/203A memperuntukkan bahawa tanpa menjejaskan liabilitinya untuk menanggung rugi kerajaan, kontraktor hendaklah sebagai satu syarat terdahulu sebelum memulakan kerja di atas tapak bina, mengambil dan menyenggara insurans yang perlu sebelum memulakan kerja di atas tapak bina. Fasal 38 di dalam borang kontrak yang sama menyatakan tiada kerja boleh dilaksanakan tanpa kontraktor terlebih dahulu mengemukakan nota liputan insurans dan juga resit premium yang telah dibayar kepada pegawai penguasa.

Insurans dalam pembinaan telah berkembang sedikit demi sedikit sejak lebih dua puluh tahun lalu. Skop perlindungan insurans adalah meluas daripada projek bangunan dan meliputi projek pembinaan lebuhraya, terowong, jambatan, galian dan gas serta bangunan tinggi panca tingkat. Pengambilan polisi insurans merupakan satu kaedah untuk memindahkan tanggungan risiko kepada pihak lain.

Polisi insurans ini pada asasnya melindungi pembeli insurans daripada liabiliti yang timbul akibat kecuaihan, kesilapan atau kegagalan bertindak semasa menjalankan atau gagal melaksanakan perkhidmatan profesional (Eaglestone, 1979).

Dalam pengurusan dan pengawalan risiko pembinaan, pengambilan polisi insurans tidak dapat mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku, tetapi pihak yang mengambil insurans boleh menuntut kerugian yang dialami daripada kejadian yang berlaku, dengan syarat kejadian tersebut berada dalam lingkungan perkara yang termeterai di dalam kontrak insurans. Oleh itu, beban kerugian yang ditanggung dapat dikurangkan.

Perkara yang berpunca daripada kejadian semula jadi, bahan yang tidak bermutu, kemalangan dan kecurian termasuk sebagai perkara yang berisiko dan boleh dilindungi melalui insurans. Pihak insurans adalah pihak yang bertanggungjawab melindungi risiko tersebut. Pelbagai syarikat insurans hari ini mempunyai kelayakan untuk memberikan perlindungan terhadap risiko dalam pembinaan. Terdapat pelbagai jenis insurans yang terlibat seperti Polisi Semua Risiko Kontraktor (CAR), Insurans Pampasan Pekerja, Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja. Insurans ini bukan sahaja memberikan perlindungan terhadap pekerja yang ditimpa kemalangan di tapak bina, tetapi juga terhadap pihak-pihak lain yang turut terlibat dalam sesuatu kejadian tersebut. Oleh itu, adalah mustahak bagi pihak kontraktor khususnya dan klien amnya, untuk meneliti perkara-perkara yang ditawarkan untuk dilindungi oleh sesebuah polisi insurans.

Dengan adanya insurans sebagai jaminan tanggungan keselamatan dan kerugian, pengurusan projek di tapak bina menjadi lebih efektif dan perjalanan projek dapat diteruskan, justeru mengelak daripada projek tidak siap dan terbengkalai. Imej kontraktor binaan juga dapat dipastikan agar tidak terjejas akibat berlakunya kemalangan di tapak bina. Perkara ini penting untuk meneruskan kesinambungan kepercayaan oleh klien terhadap komitmen kerja kontraktor dalam sesebuah projek.

## **1.1 Pernyataan Masalah**

Mengapakah peruntukan insurans ini secara lazimnya diperuntukkan di dalam kontrak pembinaan? Selain itu, antara persoalan yang timbul mengenai insurans ialah



apakah faktor-faktor yang mempengaruhi harga premium insurans. Apa yang akan berlaku sekiranya tempoh insurans tamat sebelum projek dapat disiapkan? Persoalan seterusnya, apakah keadaan yang membolehkan insurans dituntut dan apakah pula yang menyebabkan insurans tidak boleh dituntut? Apakah prosedur yang perlu dilalui bagi menuntut bayaran pampasan insurans? Segala persoalan akan dikupas untuk mengetahui jawapannya dengan tepat di dalam penyelidikan ini.

## **1.2 Matlamat Dan Objektif**

Penyelidikan ini bermatlamat untuk mengetahui dengan jelas tentang penggunaan insurans dalam projek pembinaan. Beberapa objektif telah ditentukan bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan. Objektif-objektif tersebut adalah:

- a) Menenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi harga premium
- b) Mengkaji jenis-jenis tuntutan yang timbul daripada aktiviti pembinaan
- c) Menenal pasti prosedur menuntut bayaran pampasan

## **1.3 Skop Penyelidikan**

Skop penyelidikan ini dikecilkan bagi memudahkan proses pengumpulan maklumat supaya dapat dianalisis dalam tempoh yang bersesuaian. Penyelidikan ini merangkumi aspek-aspek yang telah ditentukan dalam lingkungan tertentu sahaja, iaitu:

- a) Penumpuan diberikan terhadap projek pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam
- b) Penyelidikan difokuskan terhadap jenis-jenis insurans yang digunakan dalam projek pembinaan


- c) Pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah kontraktor dan pihak insurans
- d) Skop kawasan kajian adalah di sekitar Johor Bahru

## **1.4 Metodologi Penyelidikan**

Beberapa kaedah penyelidikan telah dipilih bagi mendapatkan data dan mencapai objektif yang digariskan. Pendekatan pelaksanaan kaedah ini dipecahkan kepada empat peringkat sebagai panduan untuk memudahkan usaha mengumpul maklumat yang berkenaan. Rajah 1.1 menunjukkan carta ringkasan metodologi.

### **1.4.1 Kajian Literatur**

Kajian literatur dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber sekunder iaitu melalui pembacaan buku, kertas persidangan, akhbar, ensiklopedia, kes perundangan, borang kontrak piawai, artikel jurnal dan risalah. Laman web digunakan untuk mendapatkan maklumat semasa dalam proses mendapatkan sumber primer. Kajian literatur sesuai dilaksanakan dalam penyelidikan ini memandangkan kaedah ini membantu menyelami konsep-konsep penting berkaitan tajuk penyelidikan serta mengumpul maklumat yang sesuai dan terkini. Masalah serta soalan yang timbul akan disenaraikan selepas membuat kajian tersebut dan akan diselesaikan menerusi kaedah susulan yang lain.



**Rajah 1.1: Carta Alir Metodologi Penyelidikan**

### **1.4.2 Temu Ramah**

Temu ramah dikendalikan terhadap pihak kontraktor dan wakil syarikat insurans. Daripada temu ramah, penerangan, pandangan dan pengalaman yang sebenar dapat diperolehi daripada responden. Temu ramah dengan pihak kontraktor adalah untuk mengetahui syarikat insurans yang lazim digunakan sebagai rujukan projek pembinaan. Selain itu, praktis pembayaran juga dapat diketahui. Temu ramah dengan pihak insurans pula diperlukan untuk mendapatkan maklumat berkenaan penentuan kadar premium dan prosedur tuntutan bayaran pampasan.

### **1.4.3 Soal Selidik**

Soal selidik dijalankan untuk memperolehi maklumat sumber primer. Borang soal selidik diagihkan kepada responden untuk mendapat maklum balas bertulis untuk mencapai objektif penyelidikan ini. Borang soal selidik yang dicetak akan diedarkan kepada responden di sekitar kawasan Johor Bahru. Maklumat daripada borang soal selidik yang dikumpulkan semula akan dianalisis.

### **1.4.4 Analisis Data**

Maklumat yang diperolehi daripada temu ramah dan borang soal selidik akan dianalisis supaya dapat digabungkan kepada bentuk yang ringkas dan mudah difahami. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis dengan kaedah statistik dan indeks kepentingan. Maklumat ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta ataupun huraian.

### **1.4.5 Rumusan Dan Cadangan**

Pada penghujung penyelidikan, rumusan dan cadangan akan dibentuk berpandukan hasil penemuan daripada kaedah-kaedah yang dinyatakan sebelum ini. Kesimpulan keseluruhan berdasarkan keputusan analisis akan dibuat dengan merujuk isu dan objektif yang telah digariskan pada peringkat permulaan.

## **1.5 Kesimpulan**

Kepentingan penyelidikan ini adalah membantu secara langsung terhadap pihak kontraktor dan secara tidak langsung kepada pihak klien. Penyelidikan ini menjelaskan kaedah perlindungan dalam pengurusan insurans pembinaan sebagai persediaan awal menghadapi kejadian yang tidak diingini. Insurans yang diambil perlu memenuhi kehendak projek dan skop perlindungan yang ditawarkan mestilah merangkumi segala kebarangkalian dalam sesebuah projek berkenaan. Polisi insurans yang dipilih seharusnya dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan memuaskan pihak yang mengambil insurans tersebut. Insurans juga merupakan jaminan keselamatan sumber manusia, bahan dan peralatan yang terdapat dalam sesebuah projek yang dijalankan. Bilakah insurans boleh dituntut dan apakah proses untuk mendapatkan pampasan? Sebelum itu, penulis akan mengupas mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi harga premium insurans dan jenis-jenis tuntutan yang terdapat di dalam projek pembinaan.

Perkara-perkara yang akan disentuh dalam kajian bab-bab berikutnya dapat diringkaskan seperti di bawah:

### **Bab 2: Kajian Literatur**

Bab ini membincangkan mengenai insurans secara am serta mengkaji insurans dari sudut perundangan dan pembinaan. Selain itu, bab ini juga akan mengenal pasti polisi-polisi insurans di bawah industri pembinaan dan membincangkan mengenai tuntutan insurans.

### **Bab 3: Metodologi Penyelidikan**

Bab ini menerangkan mengenai proses penyelidik menjalankan kajian dari mula hingga keputusan akhir diperolehi.

### **Bab 4: Analisis Penyelidikan**

Bab ini pula menunjukkan analisis yang dipamerkan di dalam bentuk jadual dan carta, selain diterjemahkan ke dalam bentuk penerangan dan perbincangan bagi setiap dapatan analisis.

### **Bab 5: Rumusan Dan Cadangan**

Bab ini merangkumi rumusan bagi keseluruhan kajian berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan pada peringkat awal kajian. Memandang kembali keseluruhan kajian, beberapa cadangan dibina untuk mengatasi limitasi penyelidikan ini supaya dapat diberi perhatian bagi penyelidikan yang akan datang.

## RUJUKAN

- Abdullah N.A. (2001). *Pengenalan Kepada Kontrak Binaan*. Selangor: UiTM.
- Agreement and Conditions of Building Contract* (1998). Malaysia: Persatuan Arkitek Malaysia.
- Arnold J. (1999). *Research Writing in the Information Age*. Boston: Allyn and Bacon.
- Baker, R.W. (1986). Handling Uncertainty. *Institute Journal of Project Management*, Vol. 4, No. 4. 205 – 210.
- Baranof E. (2004). *Risk Management and Insurance*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Berkeley D., Humphreys P.C. and Thomas. R.D. (1991). Project Risk Action Management. *Journal of Construction Management and Economic*. Vol. 9, No. 1, 3 - 17.
- Bunni N.G. (2003). *Risk and Insurance in Construction*. London: Spon Press.
- CIDB Standard Form of Contract for Building Works* (2000). Malaysia: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- Cox V.L. (1982). *International Construction: Marketing, Planning & Execution*. New York: Construction Press, Longman.

- Eaglestone F.N. (1979). *Insurance for the Construction Industry*. London: George Godwin Limited.
- Flanagan R. dan Normal G. (1993). *Risk Management and Construction*. UK: Blackwell Scientific.
- Greene M.R. and Trieschmann J.S. (1981). *Risk and Insurance*. UK: McGrawHill.
- Hatem, D.J. (1998). *Subsurface Conditions: Risk Management for Design and Construction Management Professionals*. New York: Wiley & Sons.
- Hawley J.L. and Fraenhoffer (1996). Delivering the Project in Technical Consulting. *Journal of Architectural Engineering*. Vol. 2, No. 2, 55-62.
- Hickson R. J. (1987). *Construction Insurance Management and Claim: A Guide for Contractors*. UK: McGrawHill.
- Holland B.P. (1987). *Insurance Valuations*. Reading: College of Estate Management.
- Hussin A.A. and Aziz A.R. (2001). *Undang-undang Pembinaan: Bon-bon Gerenti dalam Kontrak Pembinaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- I.E.M. Conditions of Contract for Works Mainly of Civil Engineering Construction* (1994). Malaysia: The Institution of Engineering, Malaysia.
- Isaac I. (1995). Training in Risk Management. *International Journal of Project Management*. Vol. 13, No. 4, 225-229.
- Ismail S. (2001). *Pengenalan Pengurusan Kewangan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Jones G.P. (1986). *A New Approach to the International (FIDIC) Civil Engineering Contract*. New York: Construction Press, Longman.



- Keizer J.A. and Halman. J.I.M. (1994). Diagnosing Risks In Product Innovation Projects. *International Journal of Project Management*. Vol. 12 No.2, 75 – 80.
- Knocke J. (1993). *Post-Construction Liability and Insurance*. London: E & FN Spon.
- Kvale S. (1996). *Interviews: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. California: SAGE Publications, Inc.
- Lim C.C. (2003). *Pengurusan Risiko & Insurans*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Madge P. (1987). *Civil Engineering Management: Civil Engineering Insurance and Bonding*. London: Thomas Telford Ltd.
- Majid, A.M (2003). *Insurans di Dalam Kontrak Pembinaan*. The Malaysian Surveyor, Vol. 38.3, 2 – 8.
- Nik Ramlah Mahmood (1992). *Insurance Law in Malaysia*. Malaysia: Utopia Press.
- Palmer W.J., Maloney J.M. and Heffron J.L. (1996). *Construction Insurance, Bonding, & Risk Management*. New York: McGraw-Hill.
- Perry J.C. (1986). Risk Management: An Approach for Project Manager. *International Journal of Project Management*. Vol. 4 No. 3, 23 – 33.
- Perry J.G. and Thompson P.A. (1992). *Engineering Construction Risks*. UK: Thomas Telford.
- Peter M. (1987). *Civil Engineering Insurance and Bonding*. London: Thomas Telford.
- Petersen. D. (1979). *The OSHA Compliance Manual*. New York: McGrawHill.

- PWD Standard Form of Contract 203/203A* (1983). Malaysia: Government of Malaysia.
- Ren H. (1991). Risk Lifecycle and Risk Relationships on Construction Projects. *International Journal of Project Management*. Vol. 12, No. 2, 68 – 74.
- Simister S.J. (1994). Usage and Benefits of Project Risk Analysis and Management. *International Journal of Project Management*. Vol. 12, No.1, 5 – 8.
- Skipper H.D. (1998). *International Risk and Insurance: An Environmental Management Approach*. Boston: McGrawHill.
- Soe, M. (1979). *Insurance Law of Malaysia*. Singapore: Quins Pte. Ltd.
- The Institution of Civil Engineers* (1991 ). The New Engineering Contract: The Need For and Features of the NEC, A Consultive Documents. UK: Thomas Telford.
- Trieschmann J.S., Gustavson S.G. and Hoyt R.E. (2001). *Risk Management and Insurance*. USA: South-Western.
- Turner J.R. ( 1993). *The Handbook of Project Based-Management, Improving The Processes for Achieving Strategic Objectives*. London: McGrawHill.
- Ward S.C. and Chapman C.B. (1995). Risk-Management Perspective on the Project Lifecycle. *International Journal of Project Management*. Vol. 13, No. 3, 145 – 149.
- Williams C.A., Smith M.L. and Young P.C. (1995). *Risk Management and Insurance*. New York: McGrawHill.
- Williams T.M. (1993). Risk Management Infrastructures. *International Journal of Project Management*. Vol. 11, No. 1, 5 – 10.